BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 01/11/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Jumaat, 28 Januari 2011

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Disember 2010

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 2.2% pada bulan Disember. Inflasi pada bulan tersebut disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *pengangkutan* susulan pelarasan terhadap harga bahan api pada bulan Disember sejajar dengan pelaksanaan program pengurangan subsidi oleh Kerajaan dan kenaikan harga minyak dunia. Inflasi makanan adalah lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih kecil dalam subkategori *ikan dan makanan laut* serta *sayur-sayuran*. Walau bagaimanapun, harga bagi subkategori *gula, jem, madu, coklat dan konfeksi* adalah lebih tinggi pada bulan itu disebabkan oleh kenaikan harga runcit gula sebanyak 20 sen/kg, yang juga merupakan sebahagian daripada program pengurangan subsidi.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank stabil pada bulan Disember. Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27%. Kadar deposit runcit juga stabil. Wang secara luas (M3) pula berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada bulan Disember mencerminkan pembayaran oleh Kerajaan yang lebih besar untuk membiayai perbelanjaannya selain pemberian kredit yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, kesan daripada faktor-faktor tersebut telah dikurangkan

sebahagiannya oleh ambilan deposit oleh sektor swasta untuk membiayai pembelian sekuriti Bank Negara Malaysia daripada sistem perbankan. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat sebanyak RM17.7 bilion pada asas bulanan, didorong terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi. Terbitan PDS meningkat terutamanya berikutan satu terbitan besar oleh sebuah syarikat pembinaan. Sementara itu, pinjaman terkumpul meningkat dengan sederhana pada bulan Disember. Pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada bulan Disember berbanding bulan sebelumnya disebabkan terutamanya oleh peningkatan pelaburan dan keperluan modal kerja oleh syarikat dalam sektor *harta tanah, perkilangan dan pembinaan*. Namun, kadar kenaikan pinjaman isi rumah pula menjadi lebih sederhana. Setelah mencatat sedikit penyederhanaan pada bulan November, permintaan terhadap pinjaman secara keseluruhannya meningkat pada bulan Disember disokong terutamanya oleh sektor perniagaan.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.6% dan 12.8%. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL), termasuk pinjaman terjejas (impaired loans), terus stabil dan mencakupi 2% daripada pinjaman bersih. Perlindungan kerugian pinjaman kekal melebihi 90%.

Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Disember, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang semua rakan perdagangan utama negara, kecuali yen Jepun. Seperti juga kebanyakan mata wang serantau, pengukuhan ringgit adalah berikutan keyakinan yang bertambah terhadap prospek pertumbuhan Asia lantas merangsang sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau. Pada bulan Januari 2011, ringgit terus kukuh berbanding dengan semua mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM329.9 bilion (bersamaan dengan USD106.9 bilion) pada 14 Januari 2011. Paras

rizab ini memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
28 Januari 2011

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi meningkat sedikit pada bulan Disember

Inflasi



Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen



* Lain-lain termasuk perkhidmatan rekreasi dan hiburan, minuman alkohol dan tembakau, restoran dan hotel, pendidikan, kesihatan, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi, dan pakaian dan kasut

Kadar faedah stabil

Kadar Antara Bank Semalaman Purata



Kadar Antara Bank Purata



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar Deposit Bank Perdagangan



Kadar Pinjaman Bank Perdagangan



Mudah tunai sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit



Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pertumbuhan wang secara luas sederhana

M1 dan M3



Penyumbang Utama Pertumbuhan M3



Aktiviti pembiayaan terus kukuh pada bulan Disember

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman



Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta



* Tidak termasuk terbitan asing

Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan



Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



NPL Bersih dan Peruntukan



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

1 Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.

Ringgit kukuh berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Okt 10		Nov 10		Dis 10	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		58.5	11.1	57.6	4.3	61.3	11.8
M1		213.1	11.6	220.0	9.9	224.4	11.7
M2		1,035.9	8.4	1,051.5	8.1	1,060.0	7.1
M3		1,065.7	8.4	1,082.2	8.2	1,088.8	7.0
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		11.7	11.2	8.8	10.8	17.7	11.4
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		81.7		81.3		81.4	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		88.4		87.9		87.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		60.1	20.8	56.0	13.2	57.3	36.6
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		30.4	21.4	30.2	4.7	31.2	17.4
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		61.1	5.4	64.4	0.8	63.3	-2.8
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		53.4	1.8	57.4	6.8	57.4	2.0
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.5		14.3		14.6	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.0		2.0		2.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		324.9		326.4		328.6	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		105.3		105.8		106.5	
Bilangan bulan import tertangguh		8.7		8.6		8.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.75		2.75		2.75	
Antara bank:	Semalaman	2.74 [2.74]		2.73 [2.73]		2.72 [2.73]	
	1 minggu	2.77 [2.76]		2.76 [2.76]		2.77 [2.76]	
	1 bulan	2.78 [2.81]		2.79 [2.79]		2.83 [2.79]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.71		2.71		2.71	
	3 bulan	2.73		2.74		2.74	
BLR bank perdagangan		6.27		6.27		6.27	
ALR bank perdagangan		4.99		4.99		5.05	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		114.7	2.0	115.0	2.0	115.5	2.2

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my